

PENGAJARAN ILMU TAUHID DI JOHOR: TUMPUAN KEPADA SUMBER-SUMBER PENGAJARAN DI INSTITUSI-INSTITUSI NON-FORMAL

Oleh:

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali *

Pendahuluan

Kajian ini dilakukan pada 13-16 September 2001 dan 10-16 Disember 2001 di bawah peruntukan Vot-F 0418/2001A sebanyak RM4654.50. Ia dijalankan di seluruh institusi-institusi non-formal di negeri Johor. Institusi-institusi pengajian Islam non-formal di negeri Johor adalah terdiri daripada masjid-masjid dan pondok-pondok. Bentuk-bentuk institusi non-formal yang lain hampir tidak wujud. Secara keseluruhannya, terdapat 775 buah masjid dalam lapan daerah negeri Johor kesemuanya. Dari segi perinciannya, masjid-masjid seluruh negeri Johor adalah: 98 buah di Daerah Johor Bahru, 180 buah di Batu pahat, 62 buah di Kluang, 57 buah di Segamat, 172 buah di Muar, 104 buah di Pontian, 34 buah di Mersing dan 68 buah di Kota Tinggi. Pada suatu masa dahulu, beberapa buah pondok pernah wujud di negeri Johor namun perubahan-perubahan yang

* Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (Ph.D.) adalah Profesor Madya dan Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

dilakukan oleh kerajaan negeri menyebabkan kebanyakannya telah ditukarkan kepada sekolah menengah agama rakyat.

Hasil Kajian

Hasil kajian yang dilakukan di negeri Johor memperlihatkan beberapa masalah dan kelemahan di dalam sistem pengajaran dan pengajian Ilmu Tawhid serta sumber-sumbernya. Di sini dikemukakan perkara-perkara tersebut:

1. Pendekatan Pengajaran Dan Pengajian Ilmu Tawhid

Pada umumnya, masyarakat Islam di Johor seperti juga masyarakat Islam di negeri-negeri lain mengikuti Islam khususnya dalam persoalan akidah berdasarkan aliran pemikiran atau mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di sini bukan merujuk kepada kesemua aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, namun ia tertumpu hanya kepada mazhab al-Asya'irah atau al-Asy'ariyyah dalam akidah dan mazhab al-Syafi'i dan al-Syafi'iyyah dalam fiqh.

Justeru dalam persoalan akidah khususnya Ilmu Tauhid di Johor, masyarakat Islam di sini biasanya memahami dan mengenali Ilmu Tawhid yang berhubung dengan aspek ketuhanan menerusi persoalan Sifat 20 semata-mata. Penekanan kepada Sifat 20 ini seperti lazimnya dikatakan bertujuan untuk menghalang mereka daripada terpengaruh dengan begitu mudah kepada pemikiran ajaran-ajaran sesat atau dengan kata lain, ajaran selain daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Namun, konsep Sifat 20 yang diajarkan sukar difahami sama ada oleh tenaga pengajar mahupun murid-muridnya. Dari segi tenaga pengajar, ia lebih disebabkan persoalan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang falsafah dan ilmu kalam yang secara perbandingannya agak sukar dan sulit untuk difahami, apatah lagi bagi mereka yang bukan terlatih dalam bidang tersebut. Ini ditambah lagi

dengan bidang falsafah yang dikatakan mengalami kemerosotan dan kemundurannya untuk suatu jangka masa yang agak lama sebelum usaha-usaha dimulakan kembali untuk mempelajarinya di Dunia Islam bahkan di Malaysia sendiri. Usaha untuk memahami Sifat 20, yang dipelopori oleh al-Sanūsī dalam *Kitāb Umm al-Barāhīn*, tanpa asas falsafah adalah sesuatu yang sukar.

Dari segi murid-murid pula, disebabkan kebanyakan jemaah bukanlah terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi dan mendalam, di samping usia yang secara relatifnya agak tua telah menyebabkan persoalannya tidaklah begitu diberikan penekanan yang begitu tinggi. Pada kebiasaannya, mereka yang mengikuti pelajaran tersebut hanya mengambil sikap menghafalnya sahaja tanpa memahami dan bersoal jawab mengenainya, apatah lagi dalam tradisi beragama di Johor mahupun negeri-negeri lain di Malaysia, amalan "menyoal guru agama" bukanlah sesuatu yang digalakkan. Mereka lebih gemar mendengar dan menerimanya begitu sahaja.¹

Dalam aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang didokong oleh Abū al-Hasan al-Asy'arī selaku pengasasnya dan aliran al-Asy'ariyyah yang merupakan para pengikutnya, khususnya pada abad-abad ke-8H/14M dan seterusnya, penekanan diberikan kepada persoalan *al-Tawhīd* yang bertunjangan Sifat 20 berdasarkan tafsiran al-Sanūsī menerusi kitabnya *Umm al-Barāhīn*. Ia dilihat sebagai asas terpenting dalam perbincangan mengenai *al-Tawhīd*. Apatah lagi, kebanyakan ulama dan kitab-kitab yang dirujuk memperlihatkan bahawa amalan menghafal Sifat 20 boleh menjamin syurga.²

Pengajaran Sifat 20 ini, walau bagaimanapun, mendapat tentangan yang keras daripada tokoh-tokoh pemikir Islam terutama daripada aliran Pembaharuan (*Islāh*) atau biasanya

¹ Lihat Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, "Pemikiran Za'ba Mengenai Islam", dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (Ed.) (1996), *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 285-308.

² *Ibid.*

dikenali sebagai *al-Salafiyah* atau Kaum Muda seperti Prof. H.M Rasyidi, Prof. Hamka di Indonesia dan Syaikh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Za'ba dan lain-lain di Malaysia. Ini kerana ia dikatakan tidak boleh menambahkan keyakinan bahkan sebaliknya menambahkan keraguan dan boleh mengelirukan kerana ia merupakan reaksi yang dicari-cari terhadap falsafah Greek.³

Berbalik kepada kajian ini, berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima lanjutan daripada persoalan di atas, kelihatan Jabatan Agama Johor (JAJ) tidak mengiktiraf mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah beraliran *al-Salafiyah* atau Kaum Muda yang biasanya mereka namakan sebagai Wahhābī. Selain mereka dianggap bukan bermazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, mereka disenaraikan dalam ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada Islam. Bagaimanapun, kajian dan penyelidikan yang dibuat menunjukkan bahawa secara disedari atau tidak disedari, para penceramah, guru-guru agama dan mereka yang terlibat dalam bidang pengajaran Ilmu Tauhid mengajarkan kandungan kitab-kitab agama daripada aliran ini kepada jemaah.

2. Pengajar

Dari aspek pengajar Ilmu Tawhid pula, sama ada mereka terdiri daripada Imam, guru agama, dan seumpamanya, hasil temuramah dan soalselidik menunjukkan bahawa mereka dikehendaki memahami beberapa buah kitab semasa proses temuduga untuk pentauliahian bagi mendapatkan sijil kelayakan mengajar. Secara umumnya, tenaga pengajar agama terdiri daripada dua golongan:

- a) Dengan tauliah, merujuk kepada mereka yang menduduki ujian yang diadakan oleh Jabatan Agama Johor dalam bentuk lisan dan tulisan dan lulus

³ Lihat Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (1994), "Asal-usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu" dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil. 22, h. 84-106.

dengan memperolehi sijil kelayakan. Mereka diberikan bayaran oleh Jabatan Agama Johor secara bulanan.

- b) Tanpa tauliah, iaitu mereka yang mengajar tanpa tauliah oleh Jabatan Agama Johor (JAJ). Secara rasminya, boleh dikatakan tidak ada mereka yang dibenarkan mengajar tanpa tauliah. Mengajar tanpa tauliah yang sah adalah suatu kesalahan dan tindakan boleh diambil terhadap guru yang melanggar peraturan ini.

3. Pengkhususan dan Kepakaran Mengajar

Dari segi bidang pengkhususan dan kepakaran mengajar, pengkhususan para pengajar tidak diberikan pertimbangan dan penekanan sama ada daripada aliran usuluddin ataupun syariah. Mereka kebanyakannya diandaikan boleh mengajar dan mempunyai kebolehan dan penguasaan untuk mengajar dalam kedua-dua bidang berkenaan. Difahamkan bahawa guru-guru *ta'mir* kebanyakannya terdiri daripada guru-guru besar atau pengetua (yang telah bersara), tetapi arif dalam kedua-dua bidang usuluddin dan syariah.

Masalah yang timbul adalah mereka tidak mempunyai pengetahuan dan fakta yang cukup untuk menjelaskan persoalan-persoalan akidah dengan keterangan yang mantap dan tidak mampu mengaitkan hubungan pendidikan tawhid dalam kehidupan seharian umat Islam kepada para jemaah. Bagaimanapun, oleh kerana tuntutan dan kehendak masyarakat Islam di Johor lebih banyak menjurus kepada persoalan hukum-hakam berbanding dengan persoalan akidah, maka maklumat dan pengetahuan yang mendalam tentang isu-isu akidah tidak begitu diberikan penekanan, bahkan memadai dengan pengetahuan di peringkat umum sahaja.

Kesannya, sikap memadai dengan pengetahuan yang ada menyebabkan maklumat yang diperolehi berada di takuk yang lama dan tidak bertambah. Penekanan kepada isu-isu akidah juga tidak begitu banyak diberikan perhatian.

Justeru apa yang diketahui jemaah di Johor tetap sama, tanpa sebarang perubahan dan penambahbaikan.

Tajuk-tajuk yang diajar, kaedah pengajaran atau metodologi yang sama masih digunakan untuk sekian lama. Ini ternyata tidak bersesuaian dan bertepatan dengan era cabaran masa kini dan arus globalisasi serta dunia tanpa sempadan yang telah membuka ruang dan mendedahkan umat Islam di Johor kepada pendedahan terhadap anasir-anasir baru dari luar. Keadaan umat Islam di negeri tersebut, bahkan di negeri-negeri lain, tidak lagi berada dalam situasi yang dialami negara sekitar abad-abad awal perkembangan Islam. Ini dapat dilihat daripada beberapa buah tulisan mengenai ajaran sesat oleh Jabatan Agama Johor yang memperlihatkan cabaran dan gugatan ajaran sesat terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran Ilmu Tauhid di Johor.⁴

Selain itu, keadaan ini boleh menyebabkan masyarakat Muslim di Johor secara khusus mudah diselewengkan kerana pegangan akidah yang kurang mantap. Kenyataan ini dapat dilihat dengan jelas apabila penelitian dan pengkajian dilakukan terhadap kegiatan ajaran salah di negeri Johor. Menurut senarai ajaran yang dikatakan sesat oleh Jabatan Agama Johor (JAJ), terdapat banyak ajaran yang timbul dibawa oleh sama ada guru-guru tempatan yang mempunyai latar belakang agama, institusi per-bomohan, perubatan tradisional, persilatan dan seumpamanya yang dibawa masuk dan dikembangkan di Johor dan berjaya menarik ramai pengikut yang tidak memahami penyelewengan ajaran-ajaran tersebut.⁵

⁴ Lihat Hj. M. As'ari bin Hj. Tiba' (2000), *Ajaran Sesat dan Pengaruhnya di Johor*, Johor: t.t. dan *Idem.* (1994), *Ciri-ciri Ajaran Sesat: Penyelewengan Kumpulan al-Arqaam Dari Ajaran Islam*, Bahagian Dakwah JAJ.

⁵ Lihat Adam bin Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah*, (ed. Hj. M. As'ari b. Hj. Tiba'), Bahagian Penyelidikan JAJ, Johor Bahru, Cet.I, 2000; juga kertas kerja oleh Haji Mustafa bin Abdul Rahman, "Maklumat Terkini Ajaran Sesat: Punca dan Cara Mengatasinya" di *Ijtimak Guru-guru Ta'mir Masjid/Surau Peringkat Kebangsaan*, 8-9 Mei, 2001.

4. Sumber-sumber Pengajaran

Dalam persoalan mengenai sumber-sumber pengajaran dan rujukan yang asli terutama kitab-kitab utama yang bersifat klasik hasil tulisan para ulama Islam dalam Ilmu Tawhid seperti al-Asy'arī, al-Bāqillānī, al-Baghdādī, al-Ghazālī, dan lain-lain tidak langsung digunakan. Bahkan semasa kursus diberikan kepada para pengajar oleh Jabatan Agama Johor (JAJ), kitab-kitab Tawhid yang asli tidak langsung digunakan atau mendapat perhatian. Ini mungkin ekoran daripada tuntutan jemaah dan masyarakat Islam Johor yang tidak begitu mendalam dan meluas tentang persoalan akidah dan tawhid. Hasil kajian menerusi temubual dan wawancara juga menunjukkan bahawa disebabkan kemahiran dan penguasaan bahasa dalam penggunaan teks-teks Arab bagi para pengajar dikatakan tidaklah begitu baik. Ini menyebabkan teks-teks itu tidak dipakai sebagai asas dalam sesi temubual berkait dengan pentauliahahan. Teks-teks Jawi lebih banyak digunakan apatah lagi ia pula sudah biasa digunakan sehari-harian dalam pengajaran dan mudah diperolehi.

Dalam bidang ilmu Tawhid ini, pihak Jabatan Agama Johor juga menerbitkan buku-buku agama tetapi kebanyakannya tertumpu kepada bidang hukum-hakam. Buku-buku dan tulisan-tulisan dalam bidang tawhid atau akidah adalah terlalu sedikit, bahkan buku-buku ini tidak membahaskan persoalan akidah yang serius sebaliknya lebih merupakan catatan sejarah pemikiran dan ajaran sesat. Di antara contohnya, *Aqidah Ahl al-Sunnah wal Jamaah* oleh Adam bin Ibrahim⁶ dan *Imam al-Ghazali: Metodologi Pemikiran, Akidah dan Tasawuf* oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor (2000). Dari sejumlah 34 buah buku terbitan yang disenaraikan, hanya 2 buah yang disebutkan di atas mempunyai kaitan dengan persoalan akidah.⁷

⁶ Cetakan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor, 2000.

⁷ Buku-buku terbitan Jabatan Agama Johor (JAJ) ada disenaraikan dan direkodkan oleh Bahagian Rekod JAJ dan dapat dilihat sendiri di bahagian rak untuk pameran yang terletak berdekatan pintu masuk ke pejabat berkenaan.

Di samping itu, bahan-bahan berkaitan akidah yang dicetak itu tidak digunapakai dalam pengajaran dan pengajian di institusi-institusi non-formal khususnya masjid. Jumlahnya juga agak terhad dan ia biasanya diedarkan ke masjid atau tempat tertentu secara terhad, atau dijual kepada orang ramai yang berminat membeli ataupun kepada orang yang datang ke Jabatan Agama Johor (JAJ) dan dijadikan sebagai cenderahati kepada tetamu.

6. Sumber-sumber Lain

Sumber-sumber dan kitab-kitab rujukan umumnya tidak ditentukan secara khusus oleh Jabatan Agama Johor. Oleh itu, para pengajar atau guru-guru dalam Ilmu Tawhid diberikan kelonggaran dan kebebasan untuk mengikut atau mengajar berdasarkan kitab-kitab yang mereka sukai selama ia tidak bercanggah dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang umum dianuti.

Setakat kajian ini, menurut keterangan dan maklumat Jabatan Agama Johor (JAJ) tidak terdapat sebarang perlanggaran dalam sumber-sumber dan kitab-kitab rujukan berlaku di Johor kecuali kitab *Kashf al-Asrār* yang tidak dibenarkan untuk diajar kepada golongan awam tetapi dibenarkan kepada golongan yang berpendidikan tinggi (*khawwās*). Ia hanya tertakluk kepada bidang tasawwuf sahaja walaupun mempunyai kaitan dengan bidang ilmu tawhid.

Sumber-sumber pengajaran Ilmu Tawhid yang dibenarkan hanyalah yang tidak bercanggah dengan aliran dan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Hasil kajian ini tidak menunjukkan wujudnya unsur-unsur lain dalam pengajian dan pengajaran Ilmu Tawhid kerana menurut sumber maklumat Jabatan Agama Johor (JAJ), siasatan dan tindakan hanya akan diambil apabila terdapat laporan mengenainya oleh jemaah masjid yang menghadiri dan mendengar kuliah agama guru-guru berkenaan. Setakat kajian ini, tiada sebarang laporan diterima membabitkan persoalan ini.

7. Senarai Kitab

Berikut adalah secara ringkas kitab-kitab yang biasa dan lazim digunakan dalam majlis, kuliah dan ceramah agama yang berhubung dengan Ilmu Tawhid di kebanyakan institusi-institusi tidak formal di negeri Johor. Kitab-kitab lain juga boleh digunakan dengan syarat ia tertakluk kepada perakuan dan kebenaran Jabatan Agama Johor:

- i. Zayn al-'Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī, *'Aqidat al-Nājin fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*, Singapura, 1308/1890.
- ii. Abd al-Ghani dan Umar Yusuf, *Risālah al-Tawḥīd*, Johor Bharu, t.t.
- iii. Ḥusayn bin Ṭayyib al-Mas'ūdī al-Banjārī, *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifah Rabb al-'Ālamīn*, Pulau Pinang: Maṭba'ah Persama, Cet. IV, 1381/1961.
- iv. Al-Qādir bin 'Abd al-Muttalib al-Indonesī al-Mandilī, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf @ Simpulan Iman atas Mazhab Salaf - Berdasarkan al-'Aqidat al-Salafiyah oleh al-Ṭahāwī*, Misr: Maṭba'ah al-Anwār, 1380/1961, Cet. II.
- v. Haji Said bin Ibrahim (Bekas Mufti Sabah), *Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
- vi. Syaikh 'Ali b. 'Abd al-Raḥmān al-Kelantānī, *al-Jawhar al-Mawḥūb*, Pulau Pinang, t.t.
- vii. Syaikh Daud b. 'Abd Allāh b. Idrīs al-Faṭānī, *al-Durr al-Thamīn*, Pulau Pinang: al-Ma'ārif Sdn. Bhd., t.t.
- viii. Ahmad bin Muḥammad Zayn al-Faṭānī, *Farīdah al-Farā'id*, Mesir, t.t.; Cetakan semula, Pulau Pinang, t.t - ditulis pada 1313H/1895M.
- ix. Muḥammad Arsyad al-Banjārī, *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī 'Amr al-Dīn*, al-Qāhirah, 1343/1925.

- x. Syaikh 'Abd al-Ṣamad b. 'Abd Allāh al-Jāwī al-Falimbānī, *al-'Aqā'id al-Durriyyah*, t.p, t.t.
- xi. K.H. Sirajuddin, *al-I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Pustaka Tarbiyah, 1981.